

PM Anwar arah tanam 100 pokok gantikan pohon terpaksa ditebang

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu setiap pohon yang terpaksa ditebang, digantikan dengan 100 pokok baharu yang wajib ditanam semula.

Menurut catatan di X, Anwar berkata beliau telah memberikan arahan itu kepada Datuk Bandar

Kuala Lumpur Datuk Seri Kamarulzaman Mat Salleh.

“Saya telah memberi arahan kepada Datuk Bandar iaitu setiap pohon yang terpaksa dipotong, 100 pokok baharu wajib ditanam semula,” katanya.

Menerusi perkongsian itu, Anwar memberi

respons kepada berita disiarkan Bernama pada Isnin lepas (13 Mei), yang memetik kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berhubung tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) susulan kejadian pokok

tumbang di ibu negara baru-baru ini.

Menurut Dr Zaliha, DBKL diarahkan untuk segera mengambil tindakan menebang pokok-pokok yang berisiko tinggi susulan kejadian terbahit.

Selain itu, Dr Zaliha juga dipetik sebagai ber-

kata DBKL diarahkan menambah baik Pelan Pengurusan Pokok Rendang dan menyediakan garis panduan baharu berkaitan pokok berusia atau berisiko tinggi yang dijangka siap pada Julai ini bagi memastikan insiden sama tidak berulang. — Bernama